

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TAHAP LITERASI AL-QURAN NEGERI SELANGOR

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tahap literasi Al-Quran bagi mereka yang beragama Islam di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar tahap literasi Al-Quran Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tiada kajian dan ukuran tahap literasi Al-Quran yang khusus dibuat kepada umat Islam di seluruh di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, tahap literasi Al-Quran di sekolah agama mengikut pencapaian keputusan peperiksaan Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA) bagi mata pelajaran tilawah dan hafazan tahun 2019 adalah lulus 100%.
- b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar tahap literasi Al-Quran Negeri Selangor adalah:
 - i. Menambah peruntukan masa mengajar dalam jadual waktu bagi mata pelajaran iqra' dan tilawah bagi tahap satu.
 - ii. Melaksanakan program tahsin tilawah kepada guru-guru Al-Quran di semua sekolah.
 - iii. Mengadakan kursus pemantapan pengajaran iqra' bagi guru-guru tahun satu.
 - iv. Mengajurkan majlis khatam al-Quran perdana bagi murid-murid tahun enam sebagai penanda aras pencapaian bagi mata pelajaran Al-Quran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PERLESENAN SAMPAN DI KUALA LANGAT DAN SEPANG

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah punca lesen sampan dibekukan ekoran sumber laut berkurangan?
- b) Apakah langkah-langkah pihak berwajib memastikan sumber laut sentiasa mencukupi dengan jumlah nelayan yang ada?
- c) Senaraikan statistik kompaun yang dikenakan kepada nelayan yang tidak mempunyai lesen ketika aktiviti menangkap ikan.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perikanan Malaysia membekukan pengeluaran lesen vesel menangkap ikan bagi Zon A (Tradisional) di seluruh negara sejak tahun 1980an lagi. Perkara tersebut dinyatakan adalah berdasarkan kepada hasil kajian saintifik yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia (IPP). (Rujuk Sisipan Tambahan 1).

Kajian sumber perikanan yang dilakukan pada tahun 1970an, 1980an, 1990an dan 2010 di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia menunjukkan sumber perikanan di Semenanjung Malaysia terutamanya Zon Pantai mengalami kemerosotan ketara dan telah mencapai tahap eksploitasi optima.

Hasil kajian sumber perikanan ini juga menunjukkan bahawa sumber perikanan laut dalam di Pantai Barat Semenanjung Malaysia juga mengalami kemerosotan dan mencapai tahap eksploitasi optima. Oleh yang demikian, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah membekukan pengeluaran lesen vesel menangkap ikan Zon B, Zon C dan Zon C2 di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

- b) Jabatan Perikanan Malaysia mengambil inisiatif dalam memastikan kadar eksploitasi sumber laut adalah seimbang dengan status sumber terutamanya di Negeri Selangor bagi memastikan kelestarian industri perikanan. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perikanan

Malaysia untuk memastikan sumber perikanan di perairan negeri sentiasa lestari iaitu seperti:-

- i. Tiada pengeluaran lesen vesel menangkap ikan yang baru
- ii. Memperbanyakkan kawasan melabuh tukun tiruan di dasar laut untuk meningkatkan sumber perikanan (Rujuk Sisipan Tambahan 2).
- iii. Bekerjasama dengan agensi lain seperti Majlis-Majlis Daerah dan Jabatan Perhutanan bagi program menanam pokok bakau pesisir pantai yang merupakan habitat penting organisma marin.
- iv. Jabatan Perikanan Malaysia juga dalam proses pelaksanaan *exit policy* bagi peralatan pukut tunda di Zon B bertujuan untuk memulihara habitat kritikal dan sumber di perairan pantai untuk jangka masa panjang.
- v. Meningkatkan penguatkuasaan bagi peralatan yang merosakkan sumber seperti bubu naga, belat dan pukut surung.
- vi. Membuat pelepasan umum benih ikan di perairan pantai dan muara.

c) Seksyen 8 Akta Perikanan 1985 menyatakan bahawa;

“Mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali atau membenarkan dikendalikan, di perairan perikanan Malaysia apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan –

S.8(a) tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini;

Adalah bersalah melakukan suatu kesalahan”

Sehingga kini Jabatan Perikanan Negeri Selangor menguatkuasakan Seksyen 8(a) kepada mana-mana nelayan tradisi tempatan di Negeri Selangor dengan memberi amaran secara lisan sahaja. Walau bagaimanapun, jika didapati mana-mana nelayan tradisi yang menangkap ikan tanpa lesen dan menggunakan peralatan yang tidak dilesenkan seperti belat ikan dan bubu naga pihak penguatkuasa Jabatan akan menyita peralatan menangkap ikan dan sampan.

Tahun 2019 sebanyak 12 kes sitaan bubu naga dan sampan tanpa lesen berjaya dilakukan dengan melibatkan lapan buah sampan dan 168 buah bubu naga. Juga terdapat dua kes sitaan belat ikan direkodkan untuk tahun yang sama. Bagi tahun 2020, sebanyak tiga (3) kes tangkapan bagi sampan dan peralatan yang tidak dilesenkan melibatkan peralatan pukut hanyut oleh

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) iaitu satu (1) kes di perairan Kuala Langat dan dua (2) kes di perairan Jeram, Kuala Selangor.

Bagi kes tersebut nelayan telah dibawa ke mahkamah untuk disabitkan kesalahan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda (kompaun) sebanyak RM500.00 bagi kes tangkapan sampan dan peralatan tidak dilesenkan melibatkan peralatan pukat hanyut. (Rujuk Sisipan Tambahan 3).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : LGBT DAN HIV

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai statistik kesalahan yang dilakukan oleh pelaku-pelaku LGBT yang pernah direkodkan di Negeri Selangor.
- b) Apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan budaya sonsang ini tidak menular dalam golongan remaja yang meningkat dewasa?

JAWAPAN:

- a) Sejak tahun 2017 sehingga 2020 sebanyak 16 aduan diterima dan 15 kes tangkapan telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor berkaitan dengan pelakuan LGBT yang melibatkan seksyen 27,28 dan 30 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor tahun 1995. Seramai 5 orang tertuduh telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam dan sebahagian kes tersebut masih dalam proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah.
- b) Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan budaya sonsang ini tidak menular dalam golongan remaja yang meningkat dewasa adalah:
 - i. Bahagian Pendidikan JAIS telah menyediakan kokurikulum berkaitan akhlak dalam Islam daripada peringkat sekolah rendah lagi. Selain itu, peraturan-peraturan asrama dan pergaulan sentiasa dikemaskini untuk memastikan pencegahan di peringkat awal.
 - ii. Merangka plan tindakan dan modul memantapkan akidah, syariah dan akhlak di kalangan remaja bagi mendepani gejala sonsang ini dari terus berlaku.
 - iii. Beri penjelasan kedudukan sebenar Islam terhadap pelakuan LGBT yang boleh memberi kesan terhadap akidah, syariah dan akhlak melalui khutbah, wacana, seminar, bengkel dan lain-lain yang berkaitan.
 - iv. Mewujudkan penceramah dan pendakwah pakar dalam bidang akidah, syariah dan akhlak khususnya berkaitan LGBT untuk berhadapan

dengan mana-mana individu atau kumpulan yang melakukan atau mempertahankan pelakuan LGBT dan juga untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya LGBT.

- v. Pertingkatkan media dakwah untuk memberi penjelasan dan berhadapan dengan sebarang bentuk penyebaran berkaitan LGBT sehingga ke akar umbi.
- vi. Menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah 1995 atas mana-mana seksyen kesalahan yang mempunyai kaitan dengan LGBT.
- vii. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Arriqab telah mengadakan taklimat ke sekolah-sekolah bagi menjelaskan isu-isu berkaitan LGBT dalam usaha pencegahan dikalangan pelajar-pelajar sekolah. Program penerangan diteruskan untuk perancangan MAIS bagi tahun 2020 ini dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Selangor. Selain itu, terdapat juga pusat-pusat pemulihan yang disediakan bagi golongan LGBT ini seperti Usrah Fitrah di Kelang dan Pintas di Bangi. Kelas-kelas dipemulihan diadakan sepanjang berada di pusat-pusat pemulihan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : HAKISAN SEPANJANG PANTAI SELAT MELAKA

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan untuk setiap pantai di Negeri Selangor yang telah diluluskan untuk mengelakkan hakisan ombak.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Selangor menerima peruntukan bagi mengelakkan hakisan ombak di pantai-pantai Negeri Selangor melalui Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Di dalam RMK-11 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM24.2 juta untuk pelaksanaan projek kawalan hakisan pantai di Negeri Selangor. Manakala bagi peruntukan persekutuan pula, JPS telah menerima peruntukan sebanyak RM42 juta melalui Peruntukan Fenomena Air Pasang Besar bagi menaiktaraf ban pantai yang terhakis. Senarai projek yang berkaitan adalah seperti berikut:

Peruntukan Pembangunan Negeri (P13)

BIL	PROJEK/PANTAI	KOS (RM)	STATUS
1	Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Blok 1, Blok 2 Dan Coastal Belt Daerah Sabak Bernam.	7,000,000	Projek siap
2	Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Kawasan Pertanian Daerah Kuala Selangor.	6,500,000	Projek siap
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Struktur Dan Ban Pantai Di Batu Laut, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	3,000,000	Projek siap
4	Kerja-Kerja Membina Lapis Lindung Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Pantai Morib - Kelanang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	5,200,000	Projek siap

5	Kerja-Kerja Pembaikan Tembok Penahan Ombak Di Pantai Dataran Morib, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	2,500,000	Projek siap
JUMLAH		24,200,000.00	

Peruntukan Persekutuan

BIL	PROJEK/PANTAI	KOS (RM)	STATUS
1	Kerja - Kerja Pengawalan Hakisan Pengukuhan Benteng Persisiran Pantai Sungai Apong, Benteng Kepah dan Sg. Lang Daerah Sabak Bernam	6,500,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
2	Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Sg. Hj. Dorani, Daerah Sabak Bernam, Selangor	2,500,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
3	Kerja-kerja Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Pantai Batu 23, Daerah Sabak Bernam, Selangor	2,500,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
4	Kerja-kerja Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di kg. Seri Sentosa, Daerah Sabak Bernam, Selangor	3,000,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
5	Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Kawasan Kg. Lembah Pantai Sg. Kajang Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	6,000,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
6	Kerja-kerja Projek Kawalan Hakisan Dan memperkukuhkan Benteng Pantai Di Kg. Sungai Janggut dan Kg. Tok Adam, Kuala Selangor	6,000,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia

7	Kerja-kerja Menaiktaraf Tebing Hakisan Pantai Bagi Mengatasi Fenomena Air Pasang Besar Di Tok Muda dan Kg. Sg. Serdang, Daerah Klang	6,000,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
8	Kerja-kerja fizikal bagi Kerja-kerja Menaiktaraf Tebing Hakisan Pantai Bagi Mengatasi Fenomena Air Pasang Besar Di Pantai Kelanang, Pantai Cunang, Tg. Sepat, Pulau Carey, Daerah Kuala Langat	9,500,000	Lantikan juruukur oleh JPS Malaysia
JUMLAH		42,000,000.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN AYAM

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah dan senaraikan setiap satu syarikat yang berdaftar untuk menjalankan industri ternakan ayam di DUN Tanjung Sepat?
- b) Apakah mekanisme yang dilakukan oleh pihak berwajib untuk tidak memastikan tiada gangguan vektor lalat di sekitar reban-reban ternakan ayam?
- c) Apa yang boleh dilakukan oleh orang awam untuk melaporkan masalah kebersihan dan gangguan vektor lalat dari industri ini?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 34 buah ladang ternakan ayam di DUN Tanjung Sepat terdiri daripada 31 ladang ayam pedaging dan 3 ladang ayam kampung. Senarai syarikat yang menjalankan industri ternakan ayam di DUN Tanjung Sepat yang diambil daripada Daftar Lesen Penternakan Unggas di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 dan Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008) adalah seperti dalam Lampiran A.
- b) Mekanisme yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) sebagai pihak berwajib untuk memastikan reban-reban ternakan ayam tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat termasuk pencemaran dan tiada gangguan vektor lalat adalah semua peraturan, proses dan aktiviti yang telah digariskan dalam Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 dan Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008). Secara ringkasnya, semua peraturan, proses dan aktiviti tersebut boleh dibahagikan kepada :
 - i. Proses Pengeluaran Lesen Memelihara Unggas termasuk lesen baharu dan memperbaharui lesen tahunan
 - ii. Proses Kompaun Kesalahan Ladang Unggas
 - iii. Proses Notis Kelulusan Bersyarat dan Pembatalan Lesen Memelihara Unggas

- iv. Pengurusan aduan awam di bawah enakmen dan peraturan perladangan unggas.
- c) Orang awam boleh melaporkan masalah kebersihan dan gangguan vektor lalat dari industri ini dengan salah satu kaedah berikut :
 - i. Menghantar surat atau mengisi Borang Aduan Pelanggan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di seluruh Negeri Selangor;
 - ii. Menghantar e-mel kepada aduan@dvssel.gov.my atau aduan2dvssel@gmail.com; atau
 - iii. Melengkapkan format aduan awam di portal <https://selangor.spab.gov.my>.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERNIAGAAN ATAS TALIAN

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana respon pembeli dan peniaga yang menyertai PLATS pada bulan Ramadhan?
- b) Apakah rancangan seterusnya untuk membantu peniaga dalam peryertaan dalam perniagaan atas talian?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : NAIKTARAF LEBUHRAYA

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini untuk projek naiktaraf jalan di lebuhraya B27.
- b) Nyatakan perkembangan terkini untuk projek naiktaraf jalan di lebuhraya B3209.

JAWAPAN:

- a) Projek naiktaraf Jalan Negeri B27 kini dalam proses tender semula. Tarikh tutup tender pada 10 Julai 2020 dan kerja-kerja di tapak dijangka bermula pada Oktober 2020.
- b) Jalan tersebut adalah Jalan Persekutuan FT3209. Projek naiktaraf jalan ini kini dalam peringkat rekabentuk dan dijangka untuk iklan tender pada Januari 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KEBERSIHAN KAWASAN PELANCONGAN

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor memastikan kebersihan kawasan pelancongan dijaga dengan baik untuk keselesaan pelancong?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor menyelesaikan masalah kekotoran dan infrastruktur yang tidak sempurna di Hutan Rimba Kanching Rawang?

JAWAPAN:

- a) Usaha untuk menjadikan kawasan-kawasan pelancongan yang bersih untuk keselesaan pelancong perlulah menjadi agenda utama Operator Produk Pelancongan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Mereka ini akan memainkan peranan masing-masing dan bertanggungjawab bagi memastikan tahap kebersihan di setiap kawasan pelancongan tersebut berada pada tahap yang tertinggi.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap produk operator dan juga PBT yang berkaitan untuk menyediakan kontraktor pembersihan bagi setiap produk pelancongan yang berada di dalam kawalan mereka untuk menjamin akan keselesaan pelancong sepanjang masa.

Sebagai contoh, Taman Eko Rimba Kanching, Rawang di bawah seliaan Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Taman Eko Rimba Sungai Tua Ulu Yam di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah melantik pihak kontraktor bagi kerja-kerja pembersihan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebersihan keseluruhan lokasi pelancongan tersebut secara berjadual.

Oleh yang demikian, aspek kebersihan bagi setiap lokasi yang berkaitan dengan produk pelancongan di Negeri Selangor sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan produk pelancongan tersebut terjaga dan diselia dengan baik seterusnya memberikan keselesaan kepada para pelancong. Ia juga akan memberikan nilai tambah kepada produk pelancongan Negeri Selangor serta memastikan mereka akan kembali semula untuk melancong di Negeri Selangor di masa akan datang.

- b) Taman Eko Rimba Kanching, Rawang yang merupakan produk pelancongan seliaan Tourism Selangor Sdn. Bhd., bagi pengurusan pembersihan, pihak Tourism Selangor telah melantik kontraktor pembersihan yang telah ditugaskan untuk membuat kerja-kerja pembersihan pada setiap hari di dalam kawasan berpagar seliaan Tourism Selangor.

Untuk makluman, kekerapan proses pembersihan dijalankan di dalam kawasan tersebut adalah sebanyak 3 kali sehari bagi hari-hari biasa (Isnin hingga Jumaat) dan 4 kali sehari bagi hujung minggu (Sabtu dan Ahad) termasuk Cuti Umum.

Isu kerosakan infrastruktur yang terjadi dalam Taman Eko Rimba Kanching berlaku atas beberapa faktor:

- i. Bencana Alam
 - Diakibatkan oleh pokok-pokok tumbang yang menghempap beberapa infrastruktur yang terdapat dalam kawasan seliaan seperti wakaf/ gazebo
 - Banjir besar atau disebabkan daripada fenomena 'Kepala Air' dari hulu sungai/ air terjun
- ii. Kacau Ganggu oleh Monyet Liar yang menyebabkan berlaku beberapa kerosakan kepada infrastruktur termasuk kenderaan orang awam yang mengunjungi Taman Eko Rimba Kanching

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENCEMARAN UDARA

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan index kualiti udara dan air sungai sejak bulan Januari 2020 hingga kini.
- b) Apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan kualiti udara dan air sungai adalah dalam tahap yang baik?

JAWAPAN:

- a) i) Indeks Kualiti Udara sejak Januari 2020 hingga kini

Lokasi dan Bilangan Hari Mengikut Status / Kategori Kualiti Udara Negeri Selangor Bagi Tahun 2020 dari 1 Januari Sehingga 29 Jun 2020.

Lokasi/Kategori	Baik	Sederhana	Tidak Sihat	Sangat Tidak Sihat	Berbahaya
Klang	5	176	0	0	0
Banting	66	115	0	0	0
Shah Alam	36	143	0	0	0
Kuala Selangor	67	114	0	0	0
Petaling Jaya	29	152	0	0	0
Johan Setia	9	170	1	0	0

Lokasi dan Peratusan Hari Mengikut Status / Kategori Kualiti Udara Negeri Selangor Bagi Tahun 2020 dari 1 Januari Sehingga 29 Jun 2020.

Lokasi/Kategori	Baik	Sederhana	Tidak Sihat	Sangat Tidak Sihat	Berbahaya
------------------------	-------------	------------------	--------------------	---------------------------	------------------

Klang	2.8%	97.2%	0	0	0
Banting	36.5%	63.5%	0	0	0
Shah Alam	20.1%	79.9%	0	0	0
Kuala Selangor	37%	63%	0	0	0
Petaling Jaya	16%	84%	0	0	0
Johan Setia	5%	94.4%	0.6%	0	0

ii) Indeks Kualiti Air sejak Januari 2020 hingga kini

LOKASI	PROGRAM	PELAKSANAAN	KEPUTUSAN	CATATAN
RIVER CLEANING PROGRAM (RCP) LEMBANGAN SUNGAI LANGAT (26 Stesen)	6	3 (FEB,MEI,JUN)	Kelas II (WQI = 77.7) (Sederhana Tercemar)	Parameter WQI : DO=6.2mg/L (Kelas II) pH=7.0 (Kelas II) AN=1.8mg/l (Kelas IV) BOD=3.4mg/l (Kelas III) COD=17.3mg/L (Kelas II) TSS=77.2mg/L (Kelas III)
RIVER OF LIFE (ROL) Sungai Klang (31 Stesen)	6	2 (JAN,MEI)	Kelas III (WQI = 72.5) (Sederhana Tercemar)	Parameter WQI : DO=5.5mg/L (Kelas II) pH=7.1 (Kelas I) AN=3.4mg/l (Kelas V) BOD=5.1mg/l (Kelas III) COD=21.3mg/L (Kelas II) TSS=54.0mg/L (Kelas III)

LOKASI MW (Manual Water)	PROGRAM	PELAKSANAAN	KEPUTUSAN	CATATAN
Sungai Tenggi (4 stesen)	6	2 (JAN,MEI)	Kelas II (WQI = 84.6) (Bersih)	Parameter WQI : DO=6.5mg/L (Kelas II) pH=6.6 (Kelas II) AN=0.1mg/L (Kelas II) BOD=3.4mg/L (Kelas II) COD=17.9mg/L (Kelas II) TSS=105.9mg/L (Kelas III)
Sungai Sepang (4 stesen)	6	3 (JAN,MAC,MEI)	Kelas III (WQI = 60.8) (Sederhana Tercemar)	Parameter WQI : DO=4.3mg/L (Kelas III) pH=6.5 (Kelas II) AN=9.0mg/L (Kelas V) BOD=37.1mg/L (Kelas V) COD=121.3mg/L (Kelas IV) TSS=50.8mg/L (Kelas II)
Sungai Selangor (22 stesen)	6	3 (JAN,MEI,JUN)	Kelas II (WQI = 82.5) Bersih)	Parameter WQI : DO=6.8mg/L (Kelas II) pH=6.9(KelasII) AN=0.5mg/L (Kelas III) BOD=3.2mg/L (Kelas II) COD=15.7mg/L (Kelas II)

LOKASI MW (Manual Water)	PROGRAM	PELAKSANAAN	KEPUTUSAN	CATATAN
				TSS=87.1mg/L (Kelas III)
Sungai Buloh (6stesen)	6	3 (JAN,MAC,MEI)	Kelas III (WQI = 57.3) (Tercemar)	Parameter WQI : DO=3.5mg/L (Kelas III) pH=6.5 (Kelas II) AN=2.1mg/l (Kelas IV) BOD=10.7mg/L (Kelas IV) COD=42.6mg/L (Kelas III) TSS=69.3mg/L (Kelas III)
Sungai Bernam (3 stesen)	6	2 (JAN,MEI)	Kelas II (WQI = 85.7) (Bersih)	Parameter WQI : DO=6.7mg/L (Kelas II) pH=6.7(Kelas II) AN=0.2mg/L (Kelas II) BOD=2.8mg/L (Kelas II) COD=12.5mg/L (Kelas II) TSS=122.0mg/L (Kelas III)

b) Tindakan kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor:-

Bagi memastikan kawalan pencemaran kualiti udara dan air sungai berada dalam tahap yang baik, Kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah melaksanakan program penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain dan juga penguatkuasaan secara

bersasar dengan memberi tumpuan atau keutamaan kepada sektor industri yang berpotensi mencemar alam sekitar seperti berikut:

- (i) Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual);
- (ii) Loji Pengolahan Kumbahan; dan
- (iii) Industri Kimia

Ketiga-tiga sektor utama ini telah dikenalpasti menyumbang kepada masalah pencemaran semasa seperti insiden pembuangan sisa kimia di Sungai Kim-Kim, Pasir Gudang, Johor pada tahun 2019. Penentuan keutamaan ini akan membolehkan JAS melaksanakan penguatkuasaan dengan lebih berkesan terutama kepada kawasan industri atau punca-punca pencemaran yang terletak di kawasan sensitif alam sekitar seperti hulu takat pengambilan air.

JAS Selangor sebagai salah satu agensi penguatkuasaan turut terlibat menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis industri yang berada di kawasan Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Langat dalam tempoh Ops Sumber Air bermula 17 April 2020 sehingga 31 Mei 2020, Ops Sumber Air ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Selangor adalah bertujuan untuk menangani dan mencegah aktiviti pencemaran sumber air yang boleh mengakibatkan henti tugas/ penutupan terhadap Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

Selain daripada operasi dan penguatkuasaan ke atas punca pencemaran air, JAS juga menumpukan penguatkuasaan melalui pasukan rondaan kepada punca pencemaran udara terutamanya semasa musim kering, di kawasan berisiko tinggi berlakunya pembakaran terbuka seperti di kawasan tanah gambut Johan Setia, Klang, tapak pembinaan dan kawasan industri yang melepaskan udara melalui cerobong kilang.

Tindakan pemantauan punca-punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 turut dilaksanakan secara *Smart Enforcement* iaitu melalui sistem atas talian seperti 'Online Environmental Reporting' (OER) bagi pelepasan efluen, kumbahan dan larut resapan, 'electronic Scheduled Waste Information System' (eSWIS) bagi pengurusan dan pengendalian Buangan Terjadual dan 'Continuous Emission Monitoring System' (CEMS) bagi pemantauan pelepasan udara dari cerobong.

Dari aspek teknologi, JAS juga melaksanakan pemantauan punca pencemaran dengan menggunakan *drone* bagi membolehkan pengawasan dilakukan meliputi kawasan yang lebih luas dan menjimatkan masa serta kos.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : HOTSPOT BANJIR

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor mempunyai berapa hotspot banjir sehingga kini?
- b) Apakah rancangan untuk penyelesaian hotspot banjir ini?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2020, terdapat sebanyak 108 hotspot banjir direkodkan sehingga Jun 2020.
- b) Antara tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan dalam menyelesaikan isu hotspot banjir adalah seperti berikut:
 - i. Menyelaras tindakan bagi penyelesaian hotspot banjir melalui penyelarasan secara bersepadu melibatkan JPS, JKR, PBT, Pejabat Tanah, Unit Bencana Selangor dan LUAS.
 - ii. Melaksanakan penyelenggaraan secara berkala di kawasan hotspot.
 - iii. Melaksanakan kajian projek tebatan banjir di kawasan-kawasan hotspot.
 - iv. Menyiapkan kertas kerja memohon kelulusan peruntukan melaksanakan projek-projek di kawasan hotspot banjir di dalam RMK-12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapakah orang yang manfaat dan berapa peruntukan telah digunakan untuk Skim Kesihatan Selangor sejak Tahun 2013?
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk menambahbaik program ini?

JAWAPAN:

- a) Program Skim Kesihatan Selangor telah ditambahbaik dan dijenamakan semula kepada Program Bantuan Sihat Selangor (BSS) bermula tahun 2014 dengan beberapa pindaan dan penambahbaikan seperti berikut:
 - I. Bantuan kaki palsu sehingga RM5,000.00;
 - II. Bantuan dialisis sehingga RM5,000.00; dan
 - III. Syarat kelayakan dilonggarkan daripada pendapatan isi rumah RM1,500.00 kepada RM3,000.00 sebulan.

Penerima manfaat dan peruntukan yang telah dibelanjakan bermula tahun 2013 sehingga terkini adalah seperti berikut:

TAHUN	PERBELANJAAN	PENERIMA MANFAAT
2013	RM572,270.00	282
2014	RM440,418.00	190
2015	RM1,523,986.90	532
2016	RM2,435,300.00	1,016
2017	RM3,502,055.52	1,181

TAHUN	PERBELANJAAN	PENERIMA MANFAAT
2018	RM6,004,594.20	1,784
2019	RM6,246,080.01	2,167
2020	RM3,458,519.00 (Sehingga Jun 2020)	811

- b) Beberapa siri penambahbaikan telah dilakukan dari semasa ke semasa bagi menjamin manfaat program BSS kepada rakyat Negeri Selangor. Di antara penambahbaikan yang telah dan sedang dilakukan adalah permohonan BSS secara atas talian sepenuhnya yang mana memberi kemudahan kepada pemohon untuk berurusan dan memohon bantuan. Laman web BSS ini juga akan diintegrasikan dengan laman web utama Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah beroperasi secara berfasa dan akan beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2020.

Selain daripada itu, terdapat kategori bantuan baharu yang akan diletakkan di bawah laman web BSS iaitu Bantuan Insentif Rawatan Tibi yang telah dilancarkan bermula Mei 2020 yang lalu. Bantuan ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan kepada pesakit tibi yang terpaksa berulang alik ke hospital serta memberi galakan kepada pesakit untuk menamatkan rawatan.

Kerajaan Negeri akan sentiasa menilai keberkesanan program dan penambahbaikan akan dilakukan sekiranya terdapat keperluan dan memberi manfaat kepada rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : BIASISWA NEGERI SELANGOR

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peserta yang telah memohon dan berjaya menyertai Program Khas Biasiswa Selangor Bitara?
- b) Berapakah kos yang telah dikeluarkan untuk program ini?
- c) Apakah rancangan Kerajaan untuk program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Program Khas Selangor Bitara merupakan penjenamaan semula program Khas Selangor Brain Bank di mana skop penajaan diperluaskan daripada tajaan peringkat pascasiswazah kepada tajaan pelajar Tingkatan 4 bermula tahun 2020. Walau bagaimanapun, tajaan bagi pelajar Tingkatan 4 adalah ditangguhkan memandangkan tiada sesi persekolahan bagi pelajar-pelajar tersebut berikutan penularan wabak COVID19. Bagi program siswazah, permohonan tahun 2020 adalah dibuka sepanjang tahun dan seramai dua (2) penerima telah ditawarkan sehingga Mac 2020.
- b) Sebanyak RM5.0 juta telah diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pelaksanaan program ini.
- c) Bermula tahun 2020, Kerajaan Negeri melaksanakan penjenamaan semula konsep inisiatif Brain Bank dengan memperluaskan tajaan kepada pelajar cemerlang Negeri Selangor bermula daripada tingkatan 4 sehingga pascasiswazah terutamanya dalam bidang *industrial-critical* di universiti luar negara. Kerajaan Negeri bercadang untuk memastikan pelajar Brain Bank ini dapat melanjutkan pelajaran di universiti bertaraf *Ivy League* seterusnya menjadi kumpulan yang membantu pembangunan Kerajaan Negeri Selangor pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor akan mengkaji mekanisma terbaik bagi memastikan pelajar yang ditaja dapat melanjutkan Pengajian di universiti bertaraf *Ivy League* dan seterusnya diserap dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri melalui lantikan ke jawatan-

jawatan strategik dalam Badan Berkanun dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KOLAM TAKUNGAN AIR

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini terhadap projek kolam takungan Sungai Gong?
- b) Bagaimana Kerajaan memastikan projek tersebut akan disiapkan dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Projek yang dimaksudkan adalah **Projek Menaiktaraf Sg. Gong dan Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Fasa 1 di Mukim Rawang, Daerah Gombak**. Kemajuan kerja projek ini adalah 92%. Tarikh siap projek ini adalah pada 5/6/2019. Namun begitu, kontraktor gagal untuk menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dan telah dikenakan denda lewat (LAD).
- b) Bagi memastikan kontraktor dapat menyiapkan kerja dengan baik, pemantauan secara rapi dan berterusan di tapak telah dibuat bagi memastikan kontraktor dapat menyiapkan projek tersebut pada tahun ini. Mesyuarat teknikal dan tapak diadakan setiap 2 minggu bagi memantau kemajuan kerja di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan menghadapi kekangan dalam pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor di Sekolah Kebangsaan atas perbezaan parti Kerajaan Negeri dan Pusat?
- b) Apakah tindakan Kerajaan untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor berkenaan penangguhan peperiksaan SPM sehingga tahun 2021?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : CERUN

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi yang menghadapi masalah kegagalan cerun.
- b) Apakah faktor yang menyebabkan kegagalan cerun?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod dari tahun 2017 pembaikan cerun di jalan JKR, lokasi yang sering menghadapi kegagalan cerun adalah di jalan seperti berikut:
 - i) Jalan Gombak – Bentong Lama (FT68), Gombak.
 - ii) Jalan Kuala Kubu – GAP (FT55), Hulu Selangor.
 - iii) Jalan Ampang – Hulu Langat(B62), Hulu Langat.
 - iv) Jalan Sg. Lalang (B19), Hulu Langat.
 - v) Jalan Bukit Peras (B32), Hulu Langat.
 - vi) Jalan Kuala Kerling (B78), Hulu Selangor.
- b) Secara amnya terdapat 5 perkara asas yang mempengaruhi kestabilan cerun.
 - i) Jenis tanah.
 - ii) Geometri kecerunan tanah.
 - iii) Air (kadar resapan & aras air bawah tanah).
 - iv) Penyelenggaraan cerun.
 - v) Aktiviti haram di atas permukaan cerun yang tidak terkawal.

Kebanyakan kes kegagalan cerun yang berlaku adalah akibat daripada salah satu atau semua aktiviti di atas atau perubahan terhadap perkara-perkara tersebut tanpa tindakan awalan.

Contohnya seperti, aktiviti kerja tanah tidak terancang iaitu tidak mengikut kaedah kejuruteraan semasa pembinaan, penyelenggaraan cerun yang tidak

menyeluruh serta faktor cuaca iaitu penerimaan taburan hujan yang tinggi menyebabkan keadaan asal cerun merosot (deteriorate) dan gagal.

Antara faktor lain yang juga boleh menyebabkan kegagalan cerun adalah apabila berlaku kerosakan utiliti paip air dan kumbahan di atas cerun.

- c) Pembangunan Di Lereng Bukit/Kawasan Cerun – Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan JKTPKSAS yang dipengerusikan JPBD yang ahli-ahlinya terdiri daripada agensi-agensi teknikal untuk menilai kesesuaian dan impak pembangunan di kawasan bercerun dan tanah tinggi di peringkat perancangan, dengan kawalan pelaksanaan dikuatkuasakan oleh jurutera profesional semasa pembinaan dan tanggungjawab penyelenggaraan adalah di bawah bidang kuasa PBT.

Bagi Cerun Jalan pula, Kerajaan Selangor boleh mempertimbangkan cadangan melaksanakan “Risk and Hazard Map” Pemetaan Risiko Dan Bahaya bagi jalan-jalan di seluruh Selangor sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) Ibu Pejabat JKR Malaysia. Pemetaan ini adalah bertujuan bagi pengumpulan data-data untuk menentukan lokasi-lokasi cerun jalan yang perlu diambil perhatian untuk pembaikan dan Pencegahan.

Bagi memastikan keadaan cerun jalan berada dalam keadaan selamat, penyelenggaraan cerun perlu dilakukan secara berkala.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PEMBERIAN TONG SAMPAH PERCUMA

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan 20 sen bagi setiap beg plastik terkumpul sehingga kini dan dimanakah wang tersebut dibelanjakan?
- b) Mampukah kutipan 20 sen bagi setiap beg plastik disalurkan kepada PBT berstatus Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bagi sumbangan tong sampah percuma kepada penduduk?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL BELIA

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah gelanggang futsal di seluruh kawasan DUN Sentosa mengikut pecahan taman.
- b) Adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan bagi pembinaan gelanggang tersebut? Sila pecahkan peruntukan Persekutuan dan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Jumlah gelanggang futsal di seluruh kawasan DUN Sentosa mengikut pecahan taman adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Keluasan		
		Tanah	Futsal	Kawasan Pagar
1.	Lipat Kajang, Taman Sri Andalas	3166 Hektar	5000 KP	5936 KP
2.	Jalan Seri Sedeli 3, Taman Sri Andalas	4901 MP	5000 KP	7072 kp
3.	Jalan Dato Dagang 17A, Taman Sentosa	-	5796 KP	7314 KP
4.	Lorong Seri Sarawak 22, Padang Rakan Muda Andalas, Klang	Plot A 1,047.259 MP 0.26 EK	4018 KP	5428 KP
5.	Taman Rakyat 2, Taman Sri Andalas	337,041 MP Keseluruhan	8944 KP	45472 KP

- b) Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah ke arah melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap Dewan Negeri bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih

Kemudahan Sukan. Pemilihan untuk kelulusan projek ini adalah mengikut tahap kerosakan yang terdapat pada kemudahan tersebut. Berdasarkan amalan semasa, pihak DUN akan mengemukakan permohonan untuk projek menaiktaraf dan baikpulih kemudahan sukan kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah untuk diangkat ke peringkat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi membaikpulih gelanggang futsal di DUN Sentosa sebagaimana jadual berikut:-

BIL	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	TAHUN
1.	Kerja-kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal di Jalan Dato' Yusof Shahbudin 7, Taman Sentosa	19,760.00	2015
2.	Kerja-kerja Membaikpulih Gelanggang Futsal di Jalan Dato' Yusof Shahbudin 11, Taman Sentosa	19,839.00	2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah PBT di kawasan DUN Sentosa ditambahbaik mengikut keperluan dan permintaan?
- b) Nyatakan berapakah taman permainan kanak-kanak yang telah diperbaiki atau dinaiktaraf?
- c) Apakah kekerapan PBT dalam pemantauan setiap pembaikan dan naiktaraf dan penjagaan taman permainan kanak-kanak daripada vandalisme?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang komited dalam memastikan taman permainan ditambahbaik mengikut keperluan dan permintaan dari masa ke semasa. Sehingga kini, terdapat sebanyak 55 buah taman permainan kanak-kanak di kawasan DUN Sentosa. 5 daripadanya telah dinaiktaraf manakala 50 buah dibuat penyelenggaraan secara *in-house*.
- b) Jumlah taman permainan kanak-kanak yang telah diperbaiki dan dinaiktaraf di kawasan Klang adalah seperti berikut:

Bil.	Jumlah Dibaikpulih dan Dinaiktaraf Secara Kontrak Tahunan	Dibaikpulih Secara In-House
1.	55	220

- c) Dari segi pemantauan terhadap taman permainan kanak-kanak, Majlis Perbandaran Klang telah mengambil langkah pencegahan seperti memasang papan tanda Undang-Undang Kecil Taman MPK 2005 dan papan tanda Undang-Undang Vandalisma. Selain itu, petugas Majlis juga menjalankan rondaan secara berkala dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : RUMAH UNTUK GELANDANGAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah gelandangan di Negeri Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri boleh membina pusat/ rumah bagi golongan gelandangan?
- c) Jika ada, apakah cara bagi memohon pusat/rumah gelandangan bagi kawasan Sentosa?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin membela nasib golongan gelandangan di Negeri Selangor. Bagi orang-orang papa, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:-
 - i. Menyediakan Rumah Kebajikan sebagai tempat perlindungan dan pemulihan khusus bagi kemasukan orang papa dan peleser yang memerlukan sepertimana di bawah tafsiran Seksyen 2, Akta Orang-Orang Papa 1977 iaitu “ orang papa ertinya seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan. Sehingga kini terdapat 4 institusi JKM di Negeri Selangor yang telah diwartakan sebagai Rumah Kebajikan;
 - ii. Mempergiatkan operasi menyelamat pengemis dan orang papa yang dijalankan secara bersepadu, berjadual dan ad-hoc. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor pada tahun 2019, sebanyak 430 operasi menyelamat pengemis dan orang papa telah dijalankan oleh JKM dan seramai 563 orang telah berjaya diselamatkan mengikut peruntukan yang ada di dalam Akta Orang-Orang Papa 1977; dan

- iii. Mengadakan kerjasama inter agensi melibatkan agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Imigresen dalam membantu membendung masalah gelandangan.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri setakat ini tidak bercadang untuk membina pusat/ rumah transit bagi golongan gelandangan.

- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang cadangan bagi penambahbaikan perkhidmatan terhadap golongan gelandangan. Pihak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sentosa boleh menghantar cadangan penambahbaikan atau kertas cadangan penubuhan pusat/ rumah transit gelandangan bagi kawasan Sentosa kepada Pejabat Exco Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga untuk diperhalusi dan dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGGKALAI

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek perumahan terbengkalai yang terdapat di kawasan DUN Sentosa?
- b) Senaraikan nama pemaju yang membina projek perumahan di DUN Sentosa.
- c) Sila nyatakan tindakan PBT terhadap projek perumahan terbengkalai.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini Majlis Perbandaran Klang telah mengenalpasi terdapat 2 projek perumahan terbengkalai di kawasan DUN Sentosa iaitu:
 - i) Lot asal 10349, Jalan Temenggung 35, Off Jalan Kebun, Klang, Selangor (nama pemaju **Tetuan Chong Hin Development**) untuk projek cadangan pembangunan 8 unit blok apartment kos sederhana, kos sederhana rendah di (1 unit blok terbengkalai (56 unit) dan dalam proses pemulihan semula);
 - ii) Lot asal 10509, Jalan Dato' Dagang 6, Taman Sentosa, Klang, Selangor (nama pemaju **Tetuan Jenfort Industries**) untuk projek cadangan membina dan menyiapkan rumah teres kos sederhana dan rendah 1 tingkat di atas (34 unit terbengkalai).
- b) Berdasarkan kepada rekod Majlis Perbandaran Klang, permohonan kebenaran merancang yang diterima di kawasan Taman Sentosa dari tahun 2017 hingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
1.	TETUAN CHONG HIN DEVELOPMENT SDN. BHD. 3A-12, Level 3A, Lobby 3, Block A, Damansara Intan, E Business	PERMOHONAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN MPK/KS/LM/22/99-C BERTARIKH 22/7/2002 YANG

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
	<p>Park, No. 1, Jalan SS 20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>MELIBATKAN CADANGAN PEMBANGUNAN SEPERTI BERIKUT: DARIPADA : BLOK E –</p> <p>i. PENCAWANG ELEKTRIK DI TINGKAT BAWAH</p> <p>ii. TEMPAT LETAK KERETA DI TINGKAT BAWAH, TINGKAT 1 & 2, 84 UNIT APARTMENT DI TINGKAT 2 - 8 KEPADA:</p> <p>i. PENCAWANG ELEKTRIK DI TINGKAT BAWAH</p> <p>ii. TEMPAT LETAK KERETA DI TINGKAT BAWAH</p> <p>iii. 56 UNIT APARTMENT DI TINGKAT 1-4, JALAN TEMENGGUNG, MUKIM KLANG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.</p>
2.	<p>TETUAN TERAS ZAMAN SDN. BHD.</p> <p>Lot G-001, Ground Floor Tower B,PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>PERMOHONAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG TERHADAP PELAN YANG DILULUSKAN MPK/KS/29/2001 BERTARIKH 12/4/2001 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 588 UNIT 3 BLOK APARTMENT 8 TINGKAT YANG MENGANDUNGI FASA A1:</p> <p>i) APARTMENT KOS RENDAH (120 UNIT),</p> <p>ii) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK FASA A2:</p> <p>i) APARTMENT KOS SEDERHANA RENDAH (150 UNIT),</p> <p>ii) APARTMENT KOS SEDERHANA (180 UNIT)</p>

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
		iii) APARTMENT KOS SEDERHANA TINGGI (136 UNIT) iv) RUANG PERNIAGAAN 2 UNIT v) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK DI ATAS LOT 123225 DAN LOT 123226 (SEBAHAGIAN LOT ASAL 11056), JALAN SUNGAI JATI, MUKIM KLANG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.
3.	TETUAN ROSLI BIN AWANG & TEH KIAN HIN Lot 4486, Lorong Pak Mahat Kampung Pandan, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan. No. 95, Jalan Jerai 3, Lorong Berus, Kawasan 9, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21 AKTA 172 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SEPERTI BERIKUT:- i) 4 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (35'X 88'- 100') ii) 2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (40'X60'-88') DI ATAS HSD 149691 - HSD 149696, (PT142610-PT142615) SELUAS 0.492 EKAR, JALAN MANICKAVASAGAM 9A, MUKIM KLANG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARL EHSAN.
4.	TETUAN AUS-LAND PROPERTIES SDN. BHD. 31B, Jalan Kenari 17E, Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.	PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KEBENARAN MERANCANG DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 21 AKTA 172 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN: i) 36 UNIT RUMAH TERES 20'X80' (2 TINGKAT), ii) 2 UNIT RUMAH TERES 20'X135' (2 TINGKAT), iii) 2 UNIT RUMAH TERES 20'X121' (2 TINGKAT), iv) 2 UNIT RUMAH TERES 20'X107'(2 TINGKAT), v) 2 UNIT RUMAH TERES 20'X92' (2

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
		<p>TINGKAT),</p> <p>vi) 1 UNIT RUMAH TERES 20'X85' (2 TINGKAT),</p> <p>vii) 5 UNIT RUMAH TERES 20'X75' (2 TINGKAT),</p> <p>viii) 2 UNIT RUMAH TERES 20'X71' (2 TINGKAT),</p> <p>ix) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIKJENIS PADAT,</p> <p>ixx) 1 UNIT PUSAT RAWATAN KUMBAHAN SERTA UNTUK TUJUAN PECAH SEMPADAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204B KANUN TANAH NEGARA DI ATAS LOT PT 147848, LORONG RAJA NONG, MUKIM KLANG, DAERAH KLANG, KLANG BANDAR DI RAJA, SELANGOR DARUL EHSAN</p>
5.	<p>TETUAN FORMULA PERKASA SDN. BHD.</p> <p>47A, Jalan Batai Laut, Kawasan 16, Taman Intan, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>PERMOHONAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN BIL. MPK/KS/19D/2007 BERTARIKH 4/9/2014 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SEPERTI BERIKUT:</p> <p>A) 5 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X60') DI ATAS PT 12341 HINGGA PT12347,</p> <p>B) 28 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X65') DI ATAS PT 123389-PT123416,</p> <p>C) 14 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (43'X85') DI ATAS PT123428-PT123443,</p> <p>D) 2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (43'X85') DI ATAS</p>

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
		<p>PT123442-PT123443,</p> <p>E)3 UNIT RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS PT123424-PT123426,</p> <p>F)7 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X70') DI ATAS PT147139-PT147145,</p> <p>G)1 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 1/2 TINGKAT DI ATAS PT123427,</p> <p>H)33 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (20'X75') DI ATAS PT123367-PT123388,</p> <p>I) 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT (20'X75') DI ATAS PT123368 DI PINDA KEPADA:</p> <p>A)3 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (20'X75') DIKEKALKAN KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS PT123365-PT123367,</p> <p>B) 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT (20'X75') DI PINDA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS PT123368,</p> <p>C)7 UNIT RUMAH TERES DIKEKALKAN KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS PT147139-PT147145-PT123426,</p> <p>D)3 UNIT RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DIPINDA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS PT123424-PT123426,</p> <p>E) 2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT (43'X85') DIKEKALKAN 2 TINGKAT DI ATAS PT123442-PT123443 (LOT ASAL 10354), MUKIM KLANG, DAERAH KLANG,</p>

BIL.	NAMA PEMAJU	CADANGAN PEMBANGUNAN
		SELANGOR DARUL EHSAN.

c) Majlis telah menyenaraikan semua projek terbengkalai di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. Projek-projek ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin. Melalui Jawatankuasa ini, secara dasarnya, Majlis akan mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama agensi pemaju asal atau penyelamat, Jabatan Insolvency Malaysia, pelikuidasi swasta dan agensi-agensi berkaitan sekurang-kurangnya 4 kali setahun;
- ii) Menyediakan laporan projek terbengkalai kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) sebanyak 2 kali setahun. Laporan akan disertakan maklumat terkini projek seperti status kelulusan, status pembinaan di tapak dan isu pembangunan terbengkalai tersebut.
- iii) Mengemukakan cadangan syor penyelesaian ke atas isu-isu berbangkit projek terbengkalai;